

12 SEP 2003

Bajet-Kurang upaya

PELBAGAI INSENTIF MENARIK UNTUK GOLONGAN KURANG UPAYA

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Kerajaan hari ini mengumumkan pelbagai insentif menarik untuk golongan kurang upaya di negara ini termasuk membenarkan semua kakitangan perkhidmatan awam yang mempunyai anak-anak kurang upaya bekerja mengikut waktu anjal.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah waktu anjal ini akan dapat memudahkan urusan kebajikan anak-anak mereka.

"Kerajaan ingin mencadangkan agar sektor swasta juga menyambut dan mencontohi langkah murni ini," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat di sini.

Di samping itu kerajaan turut mencadangkan had kelayakan siling pendapatan ditingkatkan daripada RM500 ke RM750 bagi membolehkan lebih ramai orang kurang upaya yang bekerja menikmati bantuan elaun yang diberikan kerajaan sekarang.

Pada masa ini kerajaan memberikan RM200 sebulan sebagai Elaun Pekerja Kurang Upaya jika pendapatan bulanan tidak melebihi RM500.

Elaun ini antara lain bagi menggalakkan orang kurang upaya terus bekerja untuk menyara diri dan keluarga di samping membolehkan mereka menampung kos pengangkutan ke tempat kerja serta perbelanjaan lain.

Perdana Menteri berkata pada masa sekarang beberapa skim bantuan kewangan diberikan kepada golongan ini termasuk bantuan kewangan pada kadar antara RM80 hingga RM350 sebulan dan sehingga pertengahan 2003, seramai 122,543 orang kurang upaya telah mendaftar dan menerima bantuan berjumlah RM88.5 juta.

Dr Mahathir berkata di samping itu, satu unit khas akan ditubuhkan di Kementerian Sumber Manusia bagi membantu golongan ini mendapatkan pekerjaan. Pada masa sekarang kerajaan telah memperuntukkan satu peratus daripada jawatan awam khusus untuk golongan ini.

Perdana Menteri berkata untuk membantu ibu bapa dan membela nasib kanak-kanak kurang upaya, kerajaan bercadang memberi elaun bulanan sebanyak RM25 seorang kepada pelajar kurang upaya di sekolah rendah dan menengah bagi menggalakkan mereka mendapat ilmu.

Kerajaan juga bercadang supaya elaun bulanan sebanyak RM300 juga dinikmati oleh semua pelajar kurang upaya di institusi pendidikan tinggi. Pada masa ini hanya pelajar kurang upaya pendengaran di institusi pendidikan tinggi diberikan elaun bulanan RM300 ini.

Dalam Bajet ini, kerajaan turut mencadangkan satu dana khas sebanyak RM10 juta khusus bagi orang kurang upaya yang menghadapi penyakit kronik.

Perdana Menteri berkata peluang pekerjaan bagi orang kurang upaya penglihatan seperti jurutaip, jurutrenkas dan telefonis kian berkurangan dan mereka perlu diberi kemahiran dalam bidang baru seperti Teknologi Maklumat (IT), fisioterapi dan lain-lain.

Dalam konteks ini, Dr Mahathir berkata Persatuan Orang Buta digalakkan membuka rangkaian kedai francais bertujuan memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada mereka dalam bidang keusahawanan.

"Mereka boleh mendapatkan pembiayaan di bawah Skim Kredit Mikro Kerajaan dan akan diberi lokasi yang sesuai bagi menubuhkan rangkaian kedai francais tersebut, katanya.

Di samping itu, kerajaan juga akan membiayai sepenuhnya pembelian tongkat berlipat putih dan mesin braille bagi mereka yang kurang upaya penglihatan.

Dr Mahathir berkata orang kurang upaya yang berpendapatan rendah diberi

keutamaan memperolehi rumah kos rendah dan sederhana rendah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dengan diberikan diskaun harga sebanyak 20 peratus.

Perdana Menteri berkata kerajaan bertekad untuk memastikan orang kurang upaya dapat memiliki rumah yang selesa dengan kos berpatutan.

Dr Mahathir juga berkata bagi membantu mengurangkan kos pengangkutan golongan kurang upaya, Syarikat Prasarana Negara akan memberikan diskaun 50 peratus ke atas tambang perjalanan.

Syarikat pengangkutan swasta pula digalakkan memberi kemudahan yang sama, katanya.

Kerajaan turut mencadangkan agar cukai jalan dikecualikan ke atas kereta, van dan motosikal buatan tempatan yang dimiliki oleh orang kurang upaya.

Perdana Menteri berkata untuk memastikan golongan kurang upaya menikmati manfaat penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), satu Pusat Sumber Rintis ICT akan ditubuhkan di Sungai Buloh bagi melatih orang kurang upaya penglihatan dan pendengaran memperolehi kemahiran ICT.

Katanya, kerajaan juga akan menyediakan kemudahan ICT Enabler bagi memudahkan orang kurang upaya menggunakan ICT sebagai alat perhubungan terutamanya di tempat menyeberang dan semasa kecemasan seperti di lebuhraya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa di semua bangunan kerajaan akan juga disediakan dengan kemudahan yang bersesuaian untuk memudahkan golongan ini berurusan dengan jabatan kerajaan, terutamanya kemudahan dalam lif dan kerajaan berharap pihak swasta turut mencontohi langkah ini.

-- BERNAMA

RV AHH BK